

**DRAF TEKS UCAPAN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS IFTAR BERSAMA T.Y.T TUN CANSELOR**

*25 Ogos 2010 bersamaan 15 Ramadhan 1431H, 6.15 petang  
Masjid UTeM*

1

Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

T.Y.T. Yang Di-Pertua Negeri Melaka  
Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob,  
Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Yang  
Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Datin Seri Utama Hajah  
Zurina binti Kassim

1. Terlebih dahulu, saya mewakili seluruh warga Universiti  
Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengalu-alukan  
kehadiran Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri  
Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob

2

selaku Canselor UTeM dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan ke majlis berbuka puasa yang pertama kali dilangsungkan secara rasmi di bangunan Masjid, Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Kesudian Tuan Yang Terutama Tun dan Toh Puan untuk hadir pada majlis ini, sesungguhnya amat besar ertinya buat kami warga UTeM.

2. Seterusnya saya memohon keizinan daripada Tuan Yang Terutama Tun untuk berucap kepada hadirin sekalian.

3

## **A) SALUTASI**

- i. Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Dr Johari bin Mat, Pro Canselor UTeM,
- ii. Yang Berhormat Datuk Wira Omar bin Kaseh, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka merangkap ahli Lembaga Pengarah UTeM,
- iii. Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTeM dan isteri,

4

- iv.Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Kadim bin Suaidi,  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTeM  
dan isteri,
- v. Pegawai-pegawai Kanan Universiti dan isteri,
- vi.Wakil-wakil Kesatuan,
- vii.Majlis Perwakilan Pelajar,
- viii.Pihak media, warga UTeM seterusnya para penerima  
sumbangan yang diraikan pada Majlis Iftar pada hari ini.

5

## **B) PEMBUKA KATA**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dan nikmat ke hadrat Illahi, kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya yang mengizinkan kita di malam yang ke 16 Ramadhan, dalam Majlis Iftar Bersama T.Y.T. Tun Canselor untuk berhimpun, berbuka puasa seterusnya beribadah berjemaah di dalam masjid yang serba suci dan indah ini.
- 2.Kesudian semua Dif-dif kehormat serta tetamu jemputan untuk hadir sudah pasti menguntum bahagia serta menambah seri di majlis yang penuh istiqamah, di bulan

6

Ramadhan yang amat istimewa kepada umat Islam kerana waktu malam dan siangnya menyajikan pelbagai keberkatan, yang perlu umat Islam kejar serta mengambil kesempatan.

Hadirin yang dirahmati Allah,

### **C)OBJEKTIF MAJLIS & PROGRAM PENGISIAN BERSEMPENA RAMADHAN 1431H**

3. Penganjuran Majlis Iftar merupakan platform yang dapat dimanfaatkan bagi merapatkan tali silaturahim antara sesama kita sebagai umat Islam, apatah lagi dalam

7

bulan Ramadhan yang penuh keberkatan dan keampunan daripada Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang.

4. Majlis Iftar bersama Tun Canselor ini adalah sebahagian dari aktiviti yang telah dirancang bagi sambutan Ramadhan peringkat UTeM 1431H. Ia merupakan acara tahunan yang sudah termaktub di dalam takwim Universiti. Di samping itu, bagi mengimarah masjid yang tersergam indah dalam kawasan kampus Universiti ini, khususnya pada bulan Ramadhan Al-Mubarak maka penjadualan telah diatur bagi menggilirkan setiap Pusat

8

Tanggungjawab (PTj) untuk menjadi hos berbuka puasa bersama warga pelajar UTeM seterusnya mengadakan solat tarawikh bersama mulai puasa yang ke2 yang dihoskan oleh Pejabat Pembangunan pada 12 Ogos 2010 yang lalu. Selain itu, aktiviti-aktiviti yang dianjurkan adalah majlis tadarus, ceramah, kuliah, kuiz dan tafaqquh fiddin bersempena bulan Ramadhan. Semoga penganjuran majlis-majlis seumpamanya dapat merapatkan lagi hubungan antara staf dan pelajar UTeM dan dengan warga luar dalam menjalin sebuah ikatan persaudaraan ukhuwah islamiyah, selain memberi

9

peluang warga Universiti beramah mesra dengan T.Y.T Tun Canselor.

T.Y.T. Tun, hadirin hadirat sekalian,

5. Hakikat Ramadhan sebagai hadiah daripada Maha Pencipta yang menjanjikan kebaikan dan harapan daripada Allah SWT, kepada para hamba yang menagih rahmatNYA saban tahun. Dalam meningkatkan usaha menggandakan nilai taqwa kepadaNYA, umat Islam diseru untuk tidak lupa menyemai semangat berkorban di jalan Allah, selain menjaga kebajikan dan

10

kepentingan ummah terutama di kalangan anak-anak yatim, insan yang kurang berkemampuan serta ibu-ibu tunggal dengan hasrat dapat meringankan beban yang ditanggung oleh mereka dalam mengharungi bulan Ramadhan dan bakal menghadapi Hari raya Aidilfitri tidak lama lagi.

#### D)PEMAKLUMAN SUMBANGAN

6. Untuk itu, seramai **30** orang anak yatim dari daerah Jasin, **20** orang ibu tunggal serta **seorang** Muallaf termasuklah **40** orang pelajar UTeM yang kurang

11

kemampuan akan menerima sumbangan pada majlis kali ini. Dengan adanya sumbangan yang bakal diterima oleh mereka yang memerlukan akan dapat memperteguh sifat kasih sayang, saling bertolongan, hormat-menghormati, dan sentiasa ingin berkorban demi fisiabilitillah untuk mendapat keredaan Ilahi yang sebenar-benarnya.

7. UTeM amat mengalu-alukan program perkongsian sebegini dan akan terus memberikan sokongan terhadap semua aktiviti kemasyarakatan khususnya di bulan paling mulia bulan Ramadhan ini, semoga dapat

12

menyemai sifat-sifat mulia, amal soleh dan kerja-kerja amal yang hanya mengharapkan ganjaran mendekatkan diri dengan Yang Maha Pencipta.

Hadirin yang dihormati,

8. Bagi pihak Pengurusan Universiti, saya amat terhutang budi kepada semua yang pihak yang telah sudi menghulurkan bantuan dan menderma terutama pihak Badan Amal Jariah UTeM, Puspanita, Sri Kesidang dan Badan Kebajikan Staf UTeM. Tidak lupa sekalung penghargaan diucapkan kepada semua orang perseorangan yang turut menderma serta syabas kepada

13

Pusat Islam dan ahli-ahli jawatankuasanya yang bertungkus-lumus di dalam mengharungi ibadah puasa, anda semua tetap memberikan komitmen yang tinggi dalam menyatu idea, menyempurna tugasannya bagi menzahir upacara seterusnya memastikan majlis terlaksana dengan lancarnya.

9. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada para tetamu kehormat yang telah sudi hadir memeriahkan lagi majlis kami pada kali ini.

14

*Kalau ada sumur di ladang  
Boleh kita menumpang mandi  
Kalau ada umur yang panjang  
Ramadhan 1432H, insyaallah kita bertemu lagi*

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh